

Am : TEKUN – UUM meterai MoU bagi program peningkatan akademik

Oleh Bernama - July 11, 2018 1:08 am



KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) — Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga Nasional (TEKUN Nasional) hari ini menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi program peningkatan akademik warga kerjanya.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional Datuk Baharom Embi berkata menerusi perjanjian tersebut seramai 42 warga kerjanya terdiri daripada ketua jabatan dan timbalan ketua jabatan akan menjalani kursus pengajian selama tiga bulan daripada tenaga pengajar UUM.

"Kita mahu warga kerja hanya berpelajaran semata-mata tetapi juga berwibawa supaya mereka dapat membimbing dan membantu TEKUN Nasional melahirkan lebih ramai usahawan berjaya.

"UUM merupakan universiti pengurusan yang mempunyai sekolah perniagaan yang setaraf dengan universiti terkemuka di dunia, kita yakin menerusi kerjasama ini kualiti kerja warga TEKUN Nasional dapat dipertingkatkan," katanya pada sidang media selepas menandatangani MoU tersebut di sini.

Baharom mewakili TEKUN Nasional manakala UUM pula diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Ayoib Che Ahmad.

Baharom berkata menerusi MoU itu juga kedua-dua agensi akan bertukar pandangan melalui kajian bersama dalam usaha menambah baik kualiti produk dan perkhidmatan sedia ada.

— BERNAMA

Sumber RSS: [Bernama](#)

Bernama